

PROJEK BRIEF

1. Pilih pernyataan berikut samada betul atau salah

Proses perbincangan awal antara pengurus projek dengan pelanggan.	
Pereka bentuk tidak terlibat sepanjang perbincangan.	
Perbincangan dilakukan untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada pelanggan.	

2. Padankan ciri-ciri projek brief dengan penerangan yang betul.

Tajuk projek	Elemen dan prinsip dalam reka bentuk perlu diaplikasikan kepada produk.
Gambaran keseluruhan projek	Terbahagi kepada dua, iaitu pengurus projek dan gambaran awal projek.
Kriteria produk	Berdasarkan produk yang ingin dihasilkan secara spesifik dan tidak dinyatakan secara umum.
Lakaran idea	Merangkumi skop projek, kos pengeluaran, masa, perancangan jadual kerja , dan pembentukan kumpulan kerja.
Perancangan dalam pengurusan projek	Dihasilkan dalam separa berfungsi atau berfungsi sepenuhnya. Model olokan yang diperbuat daripada polisterina, kadbod, gabus, span dan sebagainya..
Penghasilan mock-up atau model	Idea dalam bentuk visual yang menarik dan memenuhi kehendak pelanggan.
Analisis kajian	Memerlukan kajian reka bentuk produk dan kajian pasaran berdasarkan soal selidik dan pemerhatian.

3. Pilih jawapan yang betul berdasarkan gambar rajah yang diberi.

Kriteria pertimbangan utama	Penyataan Masalah
Fungsi	1. Apakah kegunaan produk ini? 2. Di manakah produk ini digunakan?
Persembahan	1. Bagaimanakah cara produk ini dipersembahkan?
Tujuan pasaran	1. Siapakah yang akan menggunakannya? 2. Siapakah pesaing yang wujud? 3. Pengguna bagaimanakah yang akan menggunakan produk ini?
Kuantiti	1. Berapakah jumlah yang diperlukan?
Stail/gaya	1. Bagaimanakah reka bentuk produk ini? 2. Adakah reka bentuk ini akan mendapat perhatian di pasaran?
Kualiti	1. Bagaimanakah kualiti pembuatannya? 2. Adakah pelanggan mempunyai sebarang permintaan yang istimewa? 3. Apakah piawaian kualiti yang perlu dipatuhi?
Kos	1. Berapakah kos untuk menghasilkan satu unit produk? 2. Apakah tahap keuntungan yang dikehendaki? 3. Berapakah anggaran kos terakhir?
Jangka masa	1. Bilakah pelanggan ingin projek ini disiapkan? 2. Apakah produk sampingan yang perlu siap dalam jangka masa yang sama?

Jawapan:

Kriteria	Catatan
Fungsi	• Membawa barang-barang serba guna.
Persembahan	• Pelbagai jenis warna. • Mudah disimpan kerana saiz boleh diubah suai.
Tujuan pasaran	• Suri rumah • Pengguna lain yang berminat.
Kuantiti	• 100 unit (fasa pertama)
Stail/gaya	• Bentuk asas geometri • Bersaiz sederhana • Ringan • Mudah dibawa ke mana-mana • Boleh diubah saiznya
Kualiti	• Berkualiti tinggi. • Dapat membawa barangan tidak melebihi 15 unit bersaiz sederhana dengan anggaran saiz barang 10 cm x 8 cm x 10 cm. • Memenuhi piawaian kualiti yang ditetapkan oleh SIRIM.
Kos	• Kos pembuatan minima ialah RM15.00. • Kos maksima ialah RM20.00. • Untung RM10.00 seunit.
Jangka masa	• Jangka waktu 40 jam. • Boleh dibuat penambahbaikan.

Jawapan:

Tajuk: Bakul serba guna	
Kriteria pertimbangan utama	Catatan
Fungsi 1. Apakah kegunaan produk ini? 2. Di manakah produk ini digunakan?	1. Produk saya akan digunakan untuk membawa barang-barang. 2. Produk ini digunakan di rumah atau di mana-mana sahaja mengikut keperluan pengguna.
Persembahan 1. Bagaimanakah cara produk ini dipersembahkan?	1. Produk saya ini dipersembahkan dalam pelbagai warna. 2. Reka bentuk saiznya yang dapat diubah suai.
Tujuan pasaran 1. Siapakah yang akan menggunakannya? 2. Siapakah pesaing yang wujud? 3. Pengguna bagaimanakah yang akan menggunakan produk ini?	1. Pengguna sasaran produk saya berumur 18 tahun ke atas kerana pada usia ini ramai yang memerlukan produk ini untuk membawa pelbagai jenis barangan. 2. Ada pesaing tetapi reka bentuknya kurang berinovatif. 3. Suri rumah tetapi boleh juga digunakan oleh pengguna lain.
Kuantiti 1. Berapakah jumlah yang diperlukan?	1. Untuk fasa pertama, saya akan mengeluarkan 100 unit.
Stail/gaya 1. Bagaimanakah reka bentuk produk ini? 2. Adakah reka bentuk ini akan mendapat perhatian di pasaran?	1. Produk saya menggunakan bentuk asas geometri, bersaiz sederhana, ringan, dan mudah dibawa ke mana-mana. 2. Sudah semestinya kerana reka bentuknya unik dan menjimatkan ruang penyimpanan.
Kualiti 1. Bagaimanakah kualiti pembuatannya? 2. Adakah pelanggan mempunyai sebarang permintaan yang istimewa? 3. Apakah piawaian kualiti yang perlu dipatuhi?	1. Saya akan memastikan produk saya berkualiti tinggi. 2. Pelanggan memerlukan ruang penyimpanan yang sederhana dan dapat disimpan selepas menggunakannya tanpa menganggu ruang yang besar. 3. Berdasarkan piawaian kualiti, produk perlulah berdaya tahan. Di samping itu, produk plastik dan komposit akan menjalani ujian oleh pihak SIRIM terlebih dahulu sebelum dipasarkan. Prosedur ini adalah untuk menjamin keselamatan pengguna.
Kos 1. Berapakah kos untuk menghasilkan satu unit produk? 2. Apakah tahap keuntungan yang dikehendaki? 3. Berapakah anggaran kos terakhir?	1. Kos bagi satu unit produk dianggarkan sebanyak RM15.00. 2. Saya berharap agar mendapat keuntungan RM10.00 bagi jualan setiap unit. 3. Kos terakhir tidak melebihi RM20.00.
Jangka masa 1. Bilakah pelanggan ingin projek ini disiapkan? 2. Apakah produk sampingan yang perlu siap dalam jangka masa yang sama?	1. Pelanggan mahu cadangan reka bentuk projek disiapkan dalam tempoh 40 jam waktu bekerja. 2. Saya berharap agar dapat menyiapkan contoh produk (mock-up atau model) pada masa yang sama walaupun penambahbaikan akan meningkatkan jangka masa yang ditetapkan.

Jawapan:

4. Padankan kenyataan yang betul mengenai mock-up atau model.

Terbahagi 2 jenis iaitu model separa berfungsi atau model berfungsi sepenuhnya.	Mock-up
Model olokan yang dibuat sebelum menghasilkan model sebenar.	Model

5. Pilih jenis-jenis bahan yang digunakan untuk menghasilkan mock-up yang betul.



6. Pilih alatan dan bahan cantuman mock-up atau model yang betul.



7. Penilaian hasil mock-up atau model ialah proses terakhir untuk mengukur tahap

_____ produk.

